

**kunta**

**time**

*original*

# Jadikan perang satu jenayah

B/H

30/10/20

Barat gunakan kuasa hancurkan negara Islam seluruh dunia

**M**INGGU ini Kunta Kinte nak cakap sikit pasal perang. Bagi kebanyakan kita di Malaysia, perang adalah akademik. Maksudnya kita hanya cakap pasal perang tapi kita tidak pernah rasa perang.

Ada tak ada pun, hanya orang yang lahir dan sudah agak dewasa pada tahun 1945. Mereka tahulah erti sebenar perang. Yang lebih muda hanya rasai saki baki kesan perang atau dengar cerita saja - pasal makan ubi kayu, dipaksa panjat pokok kelapa oleh tentera Jepun dan balas dendam Bintang Tiga.

Kunta Kinte lahir tak lama lepas Perang Dunia Kedua tamat. Tapi taklah ingat atau tahu apa-apa sampai umur empat atau lima tahun. Bila Kunta Kinte mula ingat dan faham, Tanah Melayu sedang dalam Darurat akibat peperangan dengan pasukan bersenjata Parti Komunis Malaya yang diharamkan.

Bukanlah perang besar, tapi susahnyanya tetap ada. Seorang peniaga Cina di kampung Kunta Kinte diculik pengganas, dibunuh dan mayatnya diikat di sebatang pokok di tepi pekan sebagai amaran jangan lawan komunis dan jangan suabahat dengan Inggeris.

Pergerakan dan gerak-geri kita diawasi. Kalau berjalan jauh, hanya boleh bawa makanan yang sudah dimasak. Makanan mentah macam beras, gula dan tepung tak boleh bawa takut jatuh ke tangan pengganas. Sekatan tentera dan polis ada di merata tempat. Di kampung, orang awam dikerah bentuk Home Guard, diberi senapang patah dan buat kubu daripada kayu, buluh, pasir dan tanah liat.

Askar Melayu, Pasukan Tentera Komanwel dan polis hutan berperang dengan pengganas siang malam. Letupan bom dan bunyi meriam boleh didengari hampir setiap malam.

Perang, sama ada kecil atau besar bawa penderitaan. Masa Perang Dingin, perang proksi yang disokong sama ada oleh Russia, Amerika atau China berlaku di banyak tempat. Kita ingat lepas Perang Dingin dunia akan aman dan tiada lagi perang.

Tapi kita silap. Lepas Perang Dingin lagi banyak perang besar berlaku. Sekarang bukan perang proksi lagi tapi perang oleh Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap negara Islam. Kalau dulu komunis musuh Amerika, sekarang Islam.

Semua negara Islam yang tak ikut telunjuknya adalah musuh atau busuk-busuk pun disyaki. Atas alasan perang keganasan dan buat 'regime change' (perubahan kerajaan), George W Bush dan 'anjing ribaannya' Tony Blair menyerang, menakluki dan menjajah Iraq.

Selepas itu Afghanistan dan tidak mustahil selepas ini Pakistan, Iran dan negara-negara Islam lain pula. Perang adalah kegiatan ekonomi paling menguntungkan bagi Amerika. Presiden Amerika adalah dalam poket Military Industrial Complex yang sangat berkuasa.

Bush dan Blair adalah penjenayah perang. Cuma, mereka menang jadi tidak ada siapa berani atau boleh tangkap dan heret mereka ke muka pengadilan. Tetapi ini bukan bermakna kita tak boleh buat apa-apa.



**KESAN kemusnahan di Tebing Barat dilakukan rejim Zionis yang disokong kuat Barat.**

sidangan dan Pameran Menjenayahkan Perang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) antara 28 dan 31 Oktober ini, kita boleh gembeng pendapat umum untuk jadikan perang satu jenayah dan kita bicara dalam mahkamah rakyat penjenayah perang macam Bush dan Blair.

Tak apalah kalau ada manusia yang cetek pemikiran dan kurang peri kemanusiaan di negara kita yang sanggup jemput dan lepas itu bayar duit untuk dengar Blair bercakap pasal keamanan.

Dalam bahasa kontemporari Orang Putih, dia kata 'there are suckers everywhere'. Maksudnya ada manusia cetek akal yang boleh ditipu di mana-mana saja.

Kita tidak boleh tangkap, bicara dan hukum Bush, Blair dan konco-konco mereka macam Dick Cheney, Condoleezza Rice dan Paul Wolfowitz, tapi kita boleh haramkan mereka daripada jejak kaki ke bumi kita dan malukan mereka sebagai pembunuh kanak-kanak, wanita dan

orang tua yang tidak berhati perut.

Peduli apa kalau Wolfowitz kawan dan penasihat politikus tertentu di negara kita. Ramai juga politikus kita yang cakap pasal Islam, persaudaraan Islam dan hak asasi manusia sampai bersembur air liur, tapi bukan saja tak buat apa-apa sebaliknya tidur sebantol pula dengan manusia hancing macam Wolfowitz.

Kunta Kinte rasa Barack Obama pun dan mula jadi macam Bush. Dia pun nampaknya sudah mula naik syok dengan perang pasal dia adalah 'Commander-in-Chief' (Ketua Turus) bala tentera Amerika.

Jadi marilah kita fikir balik pendirian kita mengenai perang. Kalau kita tak buat apa-apa, perang agresif macam yang Bush dan Blair lancar ke atas Iraq dan Afghanistan akan merebak ke merata dunia. Mangsa utamanya tentulah orang Islam kerana Zionis dan Israel ada di belakang Amerika dengan jarum bercunnya.